

# UMS anjur 'Digital electronic 7' 27-29 Oktober

UB 19/10/2011 B5

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan mengadakan aktiviti pameran dan seminar teknologi komunikasi maklumat (ICT) yang dikenali sebagai "Digital Electronic 7" pada 27-29 Oktober ini.

Program itu akan diadakan di Foyer SKTM UMS bermula jam 9 pagi hingga 9 malam. Kemasukan adalah percuma dan terbuka kepada orang awam.

Pameran bertujuan memberi peluang kepada para pelajar dan juga orang awam untuk melihat sendiri perkembangan pesat dalam sektor ICT. Selain itu, ia juga diharap dapat membantu mencapai matlamat kerajaan iaitu setiap pelajar universiti menggunakan sepenuhnya kemudahan komputer peribadi untuk kecemerlangan pelajaran mereka.

Selain pameran, pelbagai

aktiviti juga akan diadakan di dewan bangkuasi SKTM. Pihak penganjur berharap pelajar dan orang awam dapat memanfaatkan peluang itu.

Maklumat lanjut berkaitan aktiviti-aktiviti berkenaan boleh diperolehi di kaunter pertanyaan di pintu masuk pameran. Untuk pertanyaan lanjut sila hubungi Yun Chai Fun (016 5834839) atau Alfred Doon (014 9522417).